

PENILAIAN TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN  
TEORI KOS PENGELUARAN  
DI POLITEKNIK PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

SITI FATIMAH BINTI MD AZALI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONYI

PERPUSTAKAAN KUI TTHO  
  
3 0000 00078509 1

SCANNED  
AVAILABLE ONLINE

**PENILAIAN TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN  
TEORI KOS PENGELUARAN  
DI POLITEKNIK PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

**SITI FATIMAH BINTI MD AZALI**

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI  
TUN HUSSEIN ONN**

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA**

JUDUL : PENILAIAN TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN TEORI KOS  
PENGELUARAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

SESI PENGAJIAN : 2001/2002

Saya SITI FATIMAH BINTI MD AZALI (GT 010109)

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :


1. Projek Sarjana ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap No.167-A Batu 7 ¼ Titi Besi

En. Ahmad Bin Esa

Kepala Batas 06200 Alor Setar Kedah

Nama Penyelia


Tarikh : 26 SEPT 2002

Tarikh: 26 SEPT 2002

CATATAN : \*Jika Projek Sarjana ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh Kajian Kes ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

**PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

TANDATANGAN :   
NAMA PENYELIA : **ENCIK AHMAD BIN ESA**  
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2002

**PENILAIAN TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN TEORI KOS  
PENGELUARAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

**SITI FATIMAH BINTI MD AZALI**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER 2002**

**PENAKUAN**

"Saya akui laporan projek yang bertajuk '**Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan**' adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

TANDATANGAN :  .....

NAMA PENULIS : **SITI FATIMAH BINTI MD AZALI**

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2002

## DEDIKASI

*Wadah ini ditujukan khas buat,*

Bonda Siti Zaleha Binti Murad dan Ayahanda Md Azali Bin Abdul Rahman,  
Yang Sentiasa Sabar dan Tenang,  
Kalian Amat Kusayangi dan Kukasihi.  
Tanpa Kalian Sukar Untukku Menghadapi Cabaran Hidup Ini.

Buat Adik Beradik Sekeluarga,  
Jasa Kalian Sentiasa dalam Ingatan.

Dan Buat Teman-teman Seperjuangan,  
Terima Kasih atas Persahabatan Mu.....



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Encik Ahmad Bin Esa selaku penyelia kajian ini di atas segala usaha, kerjasama, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan dan teguran membina sepanjang meyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Tuan Haji Salleh Bin Md Tahar selaku penilai kajian ini yang telah memberi bimbingan dan teguran yang membina, dorongan dan nasihat ke arah mendapatkan hasil kajian yang lebih baik.

Sekalung budi dan penghargaan ditujukan kepada Encik Mohd Kharir Bin Mohd Ibrahim, Ketua Jabatan Perdagangan dan Puan Noraini Binti Kamarudin, pensyarah Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan di atas kerjasama yang baik dan bantuan yang tak terhingga bagi menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah lokek dalam memberikan pandangan dan kerjasama. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberikan galakan dan semangat untuk menyiapkan kajian ini. Semoga kalian mendapat ganjaran yang setimpal di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan.

Siti Fatimah Md Azali

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran yang dihasilkan oleh pengkaji. Kajian ini mengandungi empat objektif yang perlu dicapai. Objektif utama adalah mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap modul ini. Responden adalah terdiri daripada 31 orang pelajar semester pertama dalam bidang Diploma Pemasaran di Politeknik Port Dickson. Objektif seterusnya adalah mengenal pasti kewujudan perbezaan pencapaian markah pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul, mengenal pasti situasi sebenar penggunaan modul dan mengenal pasti maklum balas tenaga akademik terhadap kebolegunaan modul ini untuk membantu pelajar. Kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan bagi melaksanakan empat objektif kajian yang telah ditentukan. Kaedah kuantitatif adalah analisis data daripada borang soal selidik dan item ujian dengan menggunakan program SPSS 10.0 for Windows. Tiga perkara yang dinilai oleh pelajar ialah isi kandungan modul, mesra pengguna dan kebolehlaksanaan modul. Kaedah kualitatif melibatkan analisis data daripada maklum balas tenaga akademik melalui senarai semak dan temu bual serta berdasarkan pengalaman pengkaji. Lima perkara yang dinilai oleh tenaga akademik ialah isi kandungan modul, bahasa, cara persembahan, soalan-soalan ujian dan penilaian keseluruhan modul. Hasil kajian melaporkan dapatan yang diperolehi berkenaan penerimaan terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran. Hasil dapatan keseluruhan menunjukkan penerimaan yang positif terhadap Modul Teori Kos Pengeluaran untuk digunakan oleh pelajar serta diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **ABSTRACT**

This study has been done to evaluate the effectiveness of Learning Module on Production Cost Theory done by former researcher. This study consists of four objectives. The major objective was to identify the effectiveness of the learning modules. The respondents were 31 first semester students in marketing study from Port Dickson Polytechnic. The next objective were to identify the significant differences between performance before and after using the learning modules, to identify the real situation in using module, and identify the lecturer feedback on usefulness of the learning modules in order to help students on their study. Quantitative and qualitative method was used to reach four objectives of this study. Quantitative method was used to analyze data from questionnaires and test items using SPSS 10.0 Windows program. Three items evaluated by the students are module content, user friendly, and the reliability of module. Qualitative method consist of data analysis from the lecturer's feedback are checklist and interviews regarding lecturer's experiences. The five items done by the academician through checklist and interviews are the module content, language use, presentation, test questions and modules itself. The result of findings will generate the report of acceptance of the Production Cost Theory Module. The overall findings showed the positive answer and accepted the Production Cost Theory Module in teaching and learning process.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

## BAB I Pengenalan

<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8

1.6	Kerangka Teori	9
1.6.1	Huraian Kerangka Teori	10
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Skop Kajian	11
1.9	Hipotesis	12
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	12
1.11.1	Modul	12
1.11.2	Modul Pembelajaran	13
1.11.3	Penilaian	14

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **BAB II      KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Definisi Pembelajaran Bermodul	17
2.3	Konsep Pembelajaran Bermodul	18
2.4	Kebaikan Pembelajaran Bermodul	20
2.5	Kelemahan Pembelajaran Bermodul	23
2.5	Ciri-ciri Modul Pengajaran dan Pembelajaran	24
2.7	Bentuk Modul	26
2.8	Kegunaan Modul	27
2.9	Hasil Kajian Lepas	28

**BAB III**  
**METODE KAJIAN**

**BAB III      METODE KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Sumber Data	31
3.4	Responden	32
3.5	Instrumentasi Kajian	33
3.5.1	Bahagian Soal Selidik	34
3.5.2	Bahagian Pra Ujian dan Pos Ujian	36
3.5.3	Bahagian Pemerhatian	36
3.5.4	Bahagian Senarai Semak	36
3.5.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	37
3.6	Kajian Rintis	38
3.7	Prosedur Kajian	40
3.8	Kaedah Analisis Data	42
3.8.1	Analisis Data Bahagian B	43
3.9	Batasan Kajian	44
3.10	Andaian Kajian	44

**BAB IV**  
**DESKRIPSI PRODUK**

**BAB IV      DESKRIPSI PRODUK**

4.1	Pendahuluan	46
4.2	Modul Teori Kos Pengeluaran	46
4.3	Pengguna Modul	47

4.4	Tempoh Jam Kuliah	47
4.5	Rujukan Modul	47
4.6	Teori Penghasilan Produk	48
4.7	Proses Pembentukan Modul	49
4.8	Prinsip-prinsip Menggunakan Modul Pengajaran dan Pembelajaran	52
4.9	Prinsip-prinsip Menggunakan MTKP	53
4.10	Komponen Modul	54
4.11	Kelebihan MTKP	57
4.12	Batasan MTKP	58
4.13	Permasalahan dalam Membina Modul	59
4.14	Bahan dan Kos Membina Modul	60
4.15	Masa membina Modul	61
4.16	Aspek Penilaian Modul	62
4.17	Gambar MTKP	64

## BAB V

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN

#### BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN

5.1	Pendahuluan	66
5.2	Analisis Kajian	66
	5.2.1 Persepsi Responden Terhadap MTKP	67
5.3	Rumusan Kajian	73
5.4	Analisis Produk	73
	5.4.1 Perbezaan Pencapaian Markah Pelajar Sebelum dan Selepas Menggunakan Modul	74
	5.4.2 Situasi Sebenar Menggunakan MTKP	75
	5.4.3 Maklum Balas Terhadap MTKP	

	Oleh Penilai Pertama	76
5.4.4	Maklum Balas Terhadap MTKP	
	Oleh Penilai Kedua	80
5.5	Rumusan Kajian	82

## **BAB VI**

### **KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

#### **BAB VI KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

6.1	Pendahuluan	83
6.2	Kesimpulan Hasil Kajian	84
6.2.1	Kesimpulan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap MTKP dari Aspek Isi Kandungan, Mesra Pengguna dan Kebolehlaksanaan	84
6.2.2	Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap MTKP Menggunakan Ujian T	86
6.2.3	Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap MTKP Berdasarkan Situasi Sebenar	87
6.2.4	Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap MTKP Melalui Maklum Balas Tenaga Akademik	88
6.3	Cadangan	89
6.4	Penutup	95



**RUJUKAN**

**96**

**LAMPIRAN**

Lampiran A – I

99- 151

### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Populasi Responden	32
3.2	Skala Pemeringkatan Likert	34
3.3	Jadual Spesifikasi Item Instrumen Bagi Soalan Kajian Pertama	35
3.4	Jadual Tafsiran Min	43
4.2	Bahan dan Kos	60
4.3	Jadual Kerja	61
5.1	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap MTKP dari Aspek Isi Kandungan	67
5.2	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap MTKP dari Aspek Mesra Pengguna	69
5.3	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap MTKP dari Aspek Kebolehlaksanaan	71
5.4	Ujian T(Paired-Samples) Markah Pra Ujian dan Ujian Pos	74
5.5	Analisis Maklum Balas Terhadap MTKP Oleh Penilai Pertama	77
5.6	Analisis Maklum Balas Terhadap MTKP Oleh Penilai Kedua	80

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Teori Penilaian Terhadap MTKP	9
3.1	Perlaksanaan Kajian Kaedah Pembelajaran Bermodul	40
4.1	Proses Pembentukan MTKP	51

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	99
B	Analisis Kebolehpercayaan	105
C	Ringkasan Pemprosesan Data	106
D	Jadual Statistik Deskriptif	127
E	Analisis Ujian T	130
F	Borang Penilaian Modul (Senarai Semak)	131
G	Helaian Log	141
H	Surat Kebenaran Kajian	149
I	Surat Pengesahan Keesahan dan Kebolehpercayaan Isi Kandungan Dan Gagasan Tajuk Modul	150

## **BAB I**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pendahuluan**

Konsep dan pengertian teknologi sering mempunyai hubungkait dengan istilah-istilah lain membolehkan kewujudan satu makna yang baru seperti teknologi komputer, teknologi kejuruteraan, teknologi industri dan pelbagai lagi yang dapat digunakan dengan keadaan zaman serba canggih dan moden. Berbagai-bagai pengertian pernah diberikan kepada perkataan teknologi. Menurut Galbraith (1967) dalam Abdul Rahman (1997) melihat teknologi itu sebagai penyatuan ilmu pengetahuan yang sistematik dan terancang dalam usaha-usaha yang dijalankan secara lebih praktikal. Bagi Heinich (1993) pula dalam Abdul Rahman (1997) menjelaskan bahawa teknologi bukan sahaja peralatan dan mesin tetapi meliputi proses dan idea. Alat dan idea tidak dapat dipisahkan. Pendekatan ini berkaitan rapat dengan pengajaran oleh guru daripada peringkat perancangan awal yang melibatkan teori dan kaedah sebagai satu proses yang penting. Kemudahan peralatan digunakan bagi melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Secara ringkas teknologi pendidikan bolehlah diertikan sebagai satu sistem yang meliputi perkakasan, bahan, teknik, organisasi, pengetahuan dan keterampilan yang dihasilkan melalui proses penggunaan akal secara sistematik dan terancang untuk mendapatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Teknologi dalam pengajaran pula ialah teknologi-teknologi dalam bidang psikologi, ilmu

kemasyarakatan, kurikulum, komunikasi, pembelajaran dan sebagainya (Abdul Rahman, 1997).

Menurut Noran Fauziah (1994), terdapat tiga bentuk teknologi pengajaran yang utama iaitu pengajaran secara individu termasuklah pengajaran terancang, makmal bahasa, sistem pengajaran individu, pita slaid, tutorial audio, pengajaran berunsurkan komputer dan simulasi; pengajaran jarak jauh yang merangkumi pos, radio, televisyen, telefon *radiovision*, komunikasi satelit dan papan hitam elektronik; serta sistem penyampaian yang merangkumi individu dan pusat-pusat media. Pengajaran individu terdiri daripada dua jenis pengajaran iaitu pengajaran yang menggunakan modul dan pengajaran terancang. Kaedah pengajaran bermodul mengajar individu iaitu para pelajar mengikut panduan dan arahan guru, mempelajari bahan-bahan pelajaran dan seterusnya menyempurnakan kerja kursus mengikut unit-unit pelajaran yang disediakan.

Modul yang dimaksudkan adalah unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan yang lebih besar. Istilah moden sentiasa dijumpai dalam bidang yang lain seperti dalam bidang elektronik, angkasa lepas dan binaan. Dalam bidang elektronik, komponen-komponen elektronik selalu dinamakan sebagai modul, begitu juga dengan komponen-komponen angkasa lepas. Oleh itu, modul-modul ini merupakan unit-unit yang kecil pada satu bahagian yang lebih besar. Ini bermakna modul adalah bahagian-bahagian kecil yang tersendiri serta lengkap dan berkait rapat di antara satu bahagian kecil dengan bahagian kecil yang lain. Dalam bidang pendidikan, modul pernah diberi pengertian sebagai unit media satu rancangan mengajar berbentuk nota bercetak. Begitu juga dengan filem, pita video, pita audio dan sebagainya (Sharifah, 1987).

Menurut Warwick (1987), *the term modules is usually taken to mean a single unit, complete in itself, but which may be added to further units towards the achievement of a larger task or a more long-term goal.*

Berdasarkan kepada pendapat Sharifah (1987), modul biasanya dicipta untuk keperluan murid. Hampir semua modul yang tertulis adalah untuk menyenangkan

pembelajaran murid agar pembelajaran murid akan lebih berkesan. Modul juga dapat direka khas untuk guru supaya guru dapat mengajar dengan lebih berkesan. Modul pengajaran untuk guru ini adalah bahan pengajaran yang mengandungi isi kandungan mata pelajaran serta strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja yang boleh digunakan oleh guru untuk pembelajaran murid dan penilaian isi kandungan pelajaran tersebut. Modul yang memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan biasanya dikelaskan sebagai Modul Pengajaran. Modul pengajaran masih termasuk di dalam klasifikasi pengajaran individu walaupun guru menggunakan modul pengajaran ini untuk mengajar satu kumpulan atau kelas dan bukan seorang individu. Ini adalah kerana dari sudut guru, modul pengajaran itu digunakan bagi seseorang guru tertentu.

Bagaimanapun kewujudan kaedah pengajaran dan pembelajaran bermodul bukanlah bertujuan untuk menggantikan kaedah pengajaran biasa. Sebaliknya, kehadiran modul pengajaran dan pembelajaran dapat menambahkan serta mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada. Selain itu, peralatan bantu mengajar yang berasaskan teknologi boleh digunakan bersama-sama kaedah ini bagi menarik minat pelajar.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pencapaian akademik pelajar terutama sekali dalam peperiksaan sering mendapat perhatian masyarakat. Terdapat banyak pembolehubah yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Salah satu daripadanya ialah kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam menyampaikan pelajaran.

Menurut Rohana (1988), Kember dan Gow (1991) dalam Habibah, Zaidatul Akmaliah dan Rahil (1995), penyelidikan lalu juga menunjukkan bahawa cara berfikir atau belajar berkait rapat dengan corak pengajaran yang mereka terima. Jika pengajaran

dan penilaian hanya menekankan pengingatan fakta maka besar kemungkinan pelajar mempunyai tanggapan yang sempit terhadap pembelajaran.

Sebenarnya, keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan menggunakan kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan aktiviti pembelajaran pelajar. Segala aktiviti pengajaran adalah semata-mata ditumpukan untuk merangsangkan pelajar supaya menggerakkan mereka belajar. Pengajaran mempunyai dua fungsi utama iaitu merangsangkan pembelajaran dan mewujudkan situasi pembelajaran yang berkesan. Pembelajaran hanya boleh berlaku atas usaha sendiri mengikut motif atau motivasi tersebut. Oleh itu, tugas pengajar adalah membekalkan motivasi tersebut sebagai rangsangan untuk menimbulkan minat pelajar dan menggerakkan mereka belajar (Mok Soon Sang, 1997). Ini bermakna kaedah pengajaran merupakan faktor penting dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Menurut Siti Aishah (1999), kebanyakan guru yang masuk ke kelas bercakap kepada pelajar sepanjang tempoh pengajaran. Oleh itu, pelajar hanya akan menerima hasil yang patut diterimanya. Berkemungkinan banyak maklumat yang telah disampaikan tetapi hanya sebahagian kecil akan diserap oleh pelajar. Keadaan ini menyebabkan pelajar resah gelisah dan berasa bosan serta takut menghadapi pelajaran-pelajaran yang akan diikuti kelak.

Sehubungan itu, tidak dapat dinafikan bahawa setiap pelajar juga mempunyai kadar kebolehan belajar yang berlainan di antara satu sama lain. Tidak semua pelajar dapat menerima dan memahami pelajaran yang diajar dalam masa yang sama. Walaupun terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran tetapi kaedah pengajaran biasa yang diamalkan belum lagi mengambil kira kadar pencapaian dan kecepatan setiap pelajar. Oleh sebab itu, mereka memerlukan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat mengambil kira kadar kecepatan mereka sendiri. Menurut Shaharom dan Yap Kueh Chin (1992), perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan dan perlu diberi perhatian yang